Persatuan Peniaga Kecil Dalam Pasar Pasir Puteh Kelantan (Pembekal) lwn Majlis Daerah Pasir Puteh

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — GUAMAN SIVIL NO DA-21NCVC-2–02 TAHUN 2017
AHMAD BACHE PK
30 NOVEMBER 2017

Prosedur Sivil — Pembatalan — Writ dan pernyataan tuntutan — Plaintif memfailkan tindakan ke atas defendan bagi menuntut ganti rugi — Defendan memfailkan permohonan di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 — Plaintif memfailkan permohonan bagi meminda pernyataan tuntutan — Sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan — Sama ada tuntutan ganti rugi dibuktikan — Sama ada tuntutan plaintif harus dibatalkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19

Pada sekitar tahun 2012, defendan telah memaklumkan kepada plaintif bahawa Pasar Besar Pasir Putih akan ditutup dan dipindahkan ke pasar baru yang dikenali sebagai Pasar Baru Siti Hajar. Menurut plaintif, defendan telah berjanji untuk menyediakan pasar baru yang berukuran hampir sama dengan tiga pasar contoh iaitu Pasar Sri Serdang, Pasar Borong Serdang dan Pasar Sri Kembangan. Masalah timbul apabila plaintif mendapati pasar baru yang siap dibina pada tahun 2016 tidak mengikut ciri-ciri dan spesifikasi pasar contoh seperti yang dijanjikan. Akibatnya, plaintif telah memfailkan tindakan terhadap defendan, antara lain, menuntut, ganti rugi am, ganti rugi khas, ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk. Defendan pula telah memfailkan permohonan di bawah A 18 k 19(1)(a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif ('kandungan 15). Setelah kandungan 15 difailkan, plaintif telah memfailkan kandungan 24 untuk meminda pernyataan tuntutan plaintif. Defendan dalam hujahannya menyatakan bahawa plaintif tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan terhadap defendan, justeru, tindakan plaintif perlu dibatalkan.

Diputuskan, membenarkan kandungan 15 dengan kos RM2,000 dan menolak kandungan 24:

(1) Bagi ganti rugi am, plaintif gagal membuktikan hubung kait di antara plaintif dengan defendan. Tidak ada apa-apa perjanjian yang wujud dari awal lagi di antara plaintif dengan defendan tentang 'pendudukan' mereka di Pasar Besar Pasir Puteh. Malahan plaintif menduduki premis tersebut sebagai 'licensee' sahaja. Justeru itu defendan tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk membina pasar ganti yang memenuhi

citarasa plaintif. Kerugian yang dituntut adalah jangkaan, ramalan dan spekulatif sahaja. Kesemuanya ini menunjukkan bahawa tidak wujudnya kausa tindakan yang jelas terhadap defendan (lihat perenggan 22, 24, 27–28, 30 & 37).

(2) Bagi ganti rugi khas pula, adalah menjadi undang-undang mantap bahawa ia perlulah jelas iaitu ia perlu diplid secara terperinci dan hendaklah dibuktikan. Ini mewajarkan plaintif untuk mengemukakan tuntutan-tuntutan secara tepat dan disokong oleh resit-resit. Ini gagal dibuktikan oleh plaintif kerana plaintif belum lagi mengalami apa-apa kerugian. Justeru mahkamah tidak boleh membenarkan tuntutan ini kerana ianya tidak dapat mendedahkan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan (lihat perenggan 38).

(3) Oleh kerana plaintif tidak mengemukakan apa-apa bukti bahawa mereka mengalami kerugian atas kehilangan atau kecederaan secara fizikal dan mental maka sekaligus ini tidak membolehkan plaintif menuntut ganti rugi teruk terhadap defendan. Secara keseluruhan, tuntutan plaintif tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan, mengaibkan, remeh, menyusahkan dan ianya merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah (lihat perenggan 39–40).

[English summary

Around 2012, the defendant informed the plaintiff that Pasar Besar Pasit Putih would be closed and transferred to a new market known as Pasar Baru Siti Hajar. According to the plaintiff, the defendant promised to provide a new market measuring similarly to three sample markets, namely Pasar Sri Serdang, Pasar Borong Serdang and Pasar Sri Kembangan. Problems arose when the plaintiff discovered that the new market which was built in 2016 did not meet the criteria and specifications of the sample that was promised. Consequently, the plaintiff filed an action against the defendant, inter alia, general, special, exemplary and aggravated damages. The defendant, on the other hand, filed an application under O 18 r 19(1)(a), (b), (c) and (d) of the Rules of Court 2012 to strike out the plaintiff's writ of summons and statement of claim (encl 15). Having filed encl 15, the plaintiff filed encl 15 to amend its statement of claim. The defendant argued that the plaintiff had no cause of action against the defendant and therefore, the plaintiff's action ought to be struck out.

Held, allowing encl 15 with costs of RM2,000 and dismissing encl 24:

(1) Regarding the general damages, the plaintiff failed to established the nexus between the plaintiff and the defendant. There was no agreement in existence between the plaintiff and the defendant as to their transfer to Pasar Besar Pasir Puteh. The plaintiff only occupied the premise as a licensee. Therefore, the defendant had no responsibility to build the replacement market to fit the plaintiff's taste. The losses claimed for were

only expectations, predictions and speculative. These showed that there was no clear cause of action against the defendant (see paras 22, 24, 27–28, 30 & 37).

(2) As for special damages, it was trite law that it must clear in that it must be clearly pleaded and must be established. This would warrant the plaintiff to adduce the correct claims and receipts. This the plaintiff failed to do as the plaintiff had not suffered any losses. Therefore, the court could not allow this claim as it did not reveal any cause of action against the defendant (see para 38).

(3) Since the plaintiff had not adduce any evidence that they suffered losses or injury, be it physically or mentally, the plaintiff could not claim for aggravated damages from the defendant. As a whole, the plaintiff's claim did not reveal any cause of action, was vexatious, frivolous and an abuse of the court process (see paras 39–40).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai writ dan pernyataan tuntutan, lihat 2(5) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan-perenggan 9563–9581.

Kes-kes yang dirujuk

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, MA (dirujuk)

Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi v Amir Bazli bin Abdullah [2012] 6 MLJ 564; [2012] 7 CLJ 823, MR (dirujuk)

Municipal Council of Sydney v Campbell and others [1925] AC 338, PC (dirujuk)

Shahidan bin Shafie v Atlan Holdings Bhd and anor [2005] MLJU 279; [2005] 3 CLJ 793, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kerajaan Tempatan 1976 ss 72(1)(b), 73
Akta Pertubuhan 1966
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19(1)(a), (1)(b), (1)(c), (1)(d)

Mohd Marwaliz bin Mahmud (Shaharuddin bin Mohamed bersamanya) (Shaharuddin Hidayu & Marwaliz) bagi pihak plaintif.
Noor Aini bt Ismail (Aini Hayati & Assoc) bagi pihak defendan.

Ahmad Bache PK:

LATAR BELAKANG

[1] Pihak plaintif telah menfailkan satu Writ Saman DA-21NCVC-2–02 Tahun 2017 dan pernyataan tuntutan bertarikh 27 Februari 2017 terhadap

defendan. Defendan telah menfailkan satu permohonan di kandungan (15) pada 11 April 2017 di bawah A 18 k 19(1)(a), (b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 27 Februari 2017 tersebut.

[2] Pada 14 Mei 2017, setelah kandungan (15) ini difailkan defendan, plaintif pula telah menfailkan kandungan (24) untuk meminda pernyataan tuntutan tersebut, yang menimbulkan ketidakpuasan hati defendan kerana menurut defendan, ianya merupakan tindakan 'after thought' dan berbentuk 'bona fide' dan memprejudiskan defendan.

[3] Pada 27 Ogos 2017, setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini telah membenarkan permohonan defendan di kandungan (15) dan membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif tersebut dengan kos sebanyak RM2,000. Dengan membenarkan kandungan (15) ini, kandungan (24) yang difailkan oleh plaintif untuk meminda pernyataan tuntutan mereka adalah secara otomatisnya terbatal/ditolak. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, plaintif menfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan (sebelum ini plaintif juga telah menfailkan satu rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap permohonan injunksi terhadap defendan di kandungan (4) yang telah ditolak oleh mahkamah ini).

[4] Ini merupakan alasan-alasan terhadap keputusan tersebut.

FAKTA KES

[5] Menurut plaintif, plaintif merupakan sebuah persatuan peniaga yang ditubuhkan dibawah Akta Pertubuhan yang bertujuan menjaga kebajikan ahli persatuan yang merupakan peniaga-peniaga kecil dalam Pasar Besar Pasir Puteh, Kelantan. Pihak plaintif adalah terdiri daripada 380 orang ahli yang telah menjalankan aktiviti perniagaan dalam Pasar Besar Pasir Puteh sejak 1980-an lagi.

[6] Defendan pula merupakan badan berkanun negeri yang ditubuhkan pada 1 Januari 1979 selaras dengan penyusunan semula penguasa tempatan di seluruh negara di bawah Akta 171 tahun 1976 dan mempunyai alamat penyampaian di Pejabat Majlis Daerah, 16800 Pasir Puteh, Kelantan. Defendan juga merupakan pemilik berdaftar tanah tapak Pasar Besar Pasir Puteh dan juga pemilik berdaftar tanah tapak Pasar Baru Siti Hajar ('Pasar Siti Hajar').

[7] Sekitar tahun 2012, plaintif telah dimaklumkan oleh defendan bahawa Pasar Besar Pasir Puteh ini akan ditutup pada tahun 2017 kerana pasar ini akan

dipindahkan ke tapak pasar baru yang dikenali sebagai Pasar Baru Siti Hajar, Bandar Baru Pasir Puteh.

[8] Menurut plaintif lagi, ekoran daripada dialog yang diadakan di antara plaintif dan defendan, defendan telah kononnya berjanji bahawasanya di tapak baru nanti defendan akan menyediakan satu pasar yang berukuran hampir sama dengan tiga pasar contoh iaitu Pasar Sri Serdang, Pasar Borong Serdang dan Pasar Sri Kembangan.

[9] Malangnya apabila pasar tersebut telah siap dibina ('Pasar Siti Hajar') pada tahun 2016, ianya telah tidak mengikut ciri-ciri dan spesifikasi pasar contoh seperti yang kononnya telah dijanjikan.

[10] Tidak berpuas hati dengan keadaan tersebut, plaintif telah melalui kandungan (1) menfailkan tindakan writ saman ini berserta pernyataan tuntutan dan membuat tuntutan-tuntutan berikut:

(a) ganti rugi am (akan ditaksirkan);

(b) ganti rugi khas (akan ditaksirkan);

(c) ganti rugi teladan (akan ditaksirkan);

(d) ganti rugi teruk (akan ditaksirkan);

(e) faedah 8% setahun keatas semua jumlah ganti rugi dari tarikh penghakiman sehingga selesai;

(f) kos antara anak guam dan peguamcara; dan

(g) apa-apa relief dan perintah yang suai manfaat mahkamah ditafsirkan sesuai dan adil.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK

Hujahan pemohon/defendan

[11] Pemohon/defendan menghujahkan bahawa adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa untuk membolehkan plaintif menuntut apa-apa ganti rugi, plaintif perlu membuktikan bahawa plaintif telah mengalami kerugian, kecederaan *etc* yang diakibatkan oleh defendan.

[12] Namun, mengikut defendan, plaintif sebenarnya belum mengalami apa-apa kerugian, kecederaan dan lain-lain lagi. Kerugian yang dituntut adalah bersifat jangkaan (*estimation*) dan spekulatif semata-mata. Tambah-tambah lagi, apa yang disarankan oleh plaintif adalah tidak tepat. Malahan bukan tanggungjawab defendan untuk membina pasar yang mengikut citarasa

kesemua ahli-ahli plaintif. Defendan juga tidak mempunyai apa-apa hubungan kontrak dengan plaintif. A

[13] Justeru itu, hujah pemohon/defendan lagi, plaintif tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan terhadap defendan dan tindakan plaintif perlu dibatalkan oleh mahkamah. B

Hujahan plaintif

[14] Plaintif menghujahkan bahawa plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan. C

[15] Plaintif juga menghujahkan antara lain bahawa, sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, defendan perlu membina sebuah pasar sebagaimana kehendak kuasa yang diberikan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 (ie s 73) iaitu sebuah pasar yang memenuhi kepentingan dan maksud sebuah 'pasar' yang sebenar. D

[16] Plaintif juga berhujah bahawa defendan bukan sepenuhnya mendirikan pasar secara sempurna mengikut kehendak peniaga, tetapi dirobohkan pasar lama bertujuan membuat suatu kontrak pembangunan baru dengan kontraktor di tapak itu, maka ini membuktikan bahawa pihak defendan mempunyai tujuan lain. Menurut plaintif lagi apabila pihak berkuasa tempatan mempunyai sesuatu kuasa di bawah statut, tetapi melakukan sesuatu atas tujuan yang lain, maka itu terjumlah kepada 'bad exercise of power' sambil merujuk kepada kes *Municipal Council of Sydney v Campbell and others* [1925] AC 338. E F

[17] Plaintif juga merujuk kepada kes *Shahidan bin Shafie v Atlan Holdings Bhd and anor* [2005] MLJU 279; [2005] 3 CLJ 793 dan berhujah bahawa mahkamah mempunyai kuasa dan pilihan sama ada untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan atau membuat pindaan terhadapnya. G

PENGANALISAAN DAN DAPATAN MAHKAMAH H

Undang-undang berkaitan

[18] Aturan 18 k 19(1)(a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 mengenai pembatalan sesuatu writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif (*striking out*) berbunyi sedemikian: I

> (1) Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan supaya dibatalkan atau dipinda mana-mana pliding atau pengendorsan, apa-apa writ dalam tindakan itu, atau apa-apa jua dalam mana-mana pliding atau dalam pengendorsan, atas alasan bahawa:

A (a) ia mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan;

(c) ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan
B tindakan itu dengan adil; atau

(d) ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah, dan boleh memerintahkan tindakan itu digantung atau ditolak atau penghakiman dicatatkan dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

C **[19]** Ini bermakna hanya di dalam kes yang jelas dan nyata yang menunjukkan bahawa tindakan plaintif tidak boleh dibenarkan ('obviously unsustainable') maka tuntutan sedemikian boleh dibatalkan, di bawah A 18 k 19(1) ini.

D **[20]** Di dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa:

E (1) The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of the Rules of the High Court 1980 are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule. This summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable'.

F **[21]** Banyak kes-kes lain telah mengguna pakai prinsip di dalam kes *Bandar Builder* ini. Antara lain, ialah di dalam kes *Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi v Amir Bazli bin Abdullah* [2012] 6 MLJ 564; [2012] 7 CLJ 823, dimana Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

G (2) It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under O 18 r 19(1) of the Rules of the High Court 1980. The summary procedure could only be invoked when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' (see para 17) (*Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd*).

H **[22]** Mahkamah telah meneliti kes plaintif secara keseluruhan. Dari kertas-kertas kausa/affidavit-affidavit dan lain-lain keterangannya yang ada di hadapan mahkamah, serta gambar-gambar pasar berkenaan, mahkamah mendapati bahawa tidak ada apa-apa kausa tindakan yang munasabah yang
I telah dapat diwujudkan terhadap defendan. Seperti mana dapatan yang telah dibuat oleh mahkamah ini di kandungan (4) sebelum ini apabila menolak permohonan plaintif untuk satu injunksi, semua tuntutan ganti rugi yang dituntut plaintif adalah berasaskan jangkaan dan berbentuk spekulatif semata-mata. Hakikatnya plaintif belum mengalami apa-apa kerugian pun.

[23] Ini diakui sendiri oleh plaintif di *para* 14 dan *para* 25 pernyataan tuntutan mereka. Justeru ianya merupakan ramalan dan jangkaan semata-mata yang tidak dapat dibuktikan oleh plaintif dewasa ini, sekali gus gagal mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah. Justeru itu ini dengan jelas dan nyata menunjukkan ianya adalah tuntutan yang tidak boleh dibenarkan (*obviously unsustainable*) dan wajar dibatalkan. Mahkamah akan memperincikan di perenggan seterusnya.

[24] Mahkamah juga mendapati bahawa plaintif gagal membuktikan hubung kait (*relationship*) di antara plaintif dengan defendan dari segi undang-undang yang membolehkan mahkamah menentukan sama ada defendan mempunyai apa-apa liabiliti terhadap tuntutan plaintif.

[25] Ini adalah kerana defendan sebagai satu pihak berkuasa tempatan (*local authorities*) hanya mempunyai tanggungjawab di bawah s 72(1)(b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk membina sebuah pasar awam untuk kegunaan rakyat setempat yang dikirakan patut dan sesuai sahaja.

[26] Mahkamah telah meneliti peruntukan tersebut yang berbunyi seperti berikut:

> Seksyen 72(1)
>
> (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah mempunyai kuasa bagi melakukan semua atau mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu:
>
> > (b) untuk menubuh, mendirikan, menyenggara, menyewakan, mengawal dan menguruskan pasar dan bangunan pasar, rumah tumpangan, rumah, bilik atau bangunan yang disenggara bagi tempat makan-minum orang ramai, kedai, gerai dan sanggar dan mengawal hal berkenaan dengan penghunian dan penggunaannya;

[27] Justeru itu, defendan dari segi undang-undang tidak mempunyai sebarang tanggungjawab/liabiliti untuk membina pasar yang mana pembinaan strukturnya perlu dipersetujui oleh kesemua peniaga termasuk plaintif yang hendak berniaga di pasar tersebut.

[28] Mahkamah mendapati pada setiap masa yang material, defendan tidak pernah memasuki apa-apa perjanjian (sama ada secara bertulis atau lisan) dengan plaintif tentang sewaan bangku/petak niaga di Pasar Besar Pasir Puteh. Malahan pendudukan mereka adalah sebagai pemegang lesen (*licencensee*) sahaja dan tidak menikmati apa-apa hak ke atas premis Pasar Besar Pasir Puteh.

[29] Ini dapat dilihat dari sejarah pembinaan Pasar Besar Pasir Puteh itu sendiri dan plan perancangan pembesaran Bandar Pasir Puteh yang mana pada asalnya ianya didirikan di atas tanah yang dimiliki oleh kerajaan negeri.

Berikutan dengan pembangunan pembesaran Bandar Pasir Puteh, kerajaan negeri bersetuju dengan pembinaan pasar baru iaitu Pasar Baru Siti Hajar menggantikan Pasar Besar Pasir Puteh yang mana akan ditutup selepas Pasar Besar Siti Hajar siap dibina. Tanah tapak Pasar Besar Pasir Puteh akan seterusnya diberikan kepada pemaju iaitu HLK Ventures Sdn Bhd sebagai balasan kepada usahasama pembangunan tersebut sebagaimana terma-terma perjanjian usahasama bertarikh 25 Jun 2012 yang telah disempurnakan oleh defendan dan pemaju. Kini surat hakmilik telah dikeluarkan dan didaftarkan di atas nama defendan. Pada awal pembinaan Pasar Besar Pasir Puteh, ianya adalah kosong tanpa petak niaga dan tanpa bangku. Para peniagalah yang membina petak niaga mengikut kesesuaian masing-masing.

[30] Jelas, dari segi undang-undang defendan tidak mempunyai apa-apa obligasi atau kontrak dengan plaintif atau mana-mana peniaga yang sedang berniaga di Pasar Besar Pasir Puteh. Ini juga bermakna defendan tidak melakukan apa-apa 'bad exercise of power' seperti yang disarankan oleh pihak plaintif.

[31] Mahkamah berpendapat bahawa apabila tiada sebarang obligasi disegi undang-undang untuk berbuat demikian, pembinaan Pasar Besar Siti Hajar walaupun tidak mengikut kehendak dan menepati citarasa plaintif, tidak terjumlah kepada satu pecah kontrak dan seterusnya tidak mewujudkan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan yang mewajarkan defendan membayar ganti rugi kepada plaintif atau membolehkan para peniaga/plaintif-plaintif membuat pilihan untuk duduk tetap di pasar lama.

[32] Mahkamah juga mendapati bahawa plaintif bukan mewakili satu persatuan yang sah. Persatuan plaintif telah didaftarkan pada 2 Oktober 2010 tetapi telah digantung dari tarikh 16 Julai 2014 sehingga tarikh 21 Februari 2017, menyebabkan apa-apa tindakan plaintif yang dilakukan semasa tarikh penggantungan tidak boleh dianggap sebagai tindakan ahli persatuan plaintif yang sah.

[33] Mahkamah juga mendapati bahawa plaintif tidak mewakili kesemua peniaga yang berniaga di Pasar Besar Pasir Puteh. Mengikut 'eksh SD4' ahli plaintif adalah seramai 258 orang sahaja manakala peniaga Pasar Besar Pasir Puteh adalah seramai 359 orang.

[34] Kedua-dua faktor mengenai ahli persatuan plaintif ini mengakibatkan keraguan mahkamah terhadap lokus mereka, sekali gus memberi implikasi terhadap kausa tindakan mereka.

[35] Mahkamah juga mendapati bahawa bertentangan dengan apa yang dihujahkan oleh plaintif, mahkamah mendapati bahawa pembinaan Pasar

Besar Siti Hajar adalah mengikut pelan asal bangunan Pasar Sri Serdang sebagaimana harapan plaintif/peniaga Pasar Besar Pasir Puteh. Pembinaan asal Pasar Sri Serdang adalah tanpa sebarang petak niaga dan bangku. Para peniaga tersebut yang membina sendiri tapak niaga dan bangku yang memberikan lebih keselesaan mengikut citarasa peniaga masing-masing.

KESIMPULAN

[36] Sebagai kesimpulan, mahkamah ini memperincikan kegagalan plaintif untuk menuntut ganti rugi-ganti rugi berkenaan seperti di bawah.

[37] Bagi ganti rugi am, mahkamah mendapati bahawa plaintif gagal membuktikan 'hubung kait' di antara plaintif dengan defendan. Mahkamah mendapati bahawa tidak ada apa-apa perjanjian yang wujud dari awal lagi di antara plaintif dengan defendan tentang 'pendudukan' mereka di Pasar Besar Pasir Puteh. Malahan plaintif menduduki premis tersebut sebagai 'licensee' sahaja. Justeru itu defendan tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk membina pasar ganti yang memenuhi citarasa plaintif. Kerugian yang dituntut juga seperti yang telah disentuh mahkamah sebelum ini adalah jangkaan, ramalan dan spekulatif sahaja. Kesemuanya ini menunjukkan bahawa tidak wujudnya kausa tindakan yang jelas terhadap defendan dan permohonan defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan ini wajar dibenarkan.

[38] Bagi ganti rugi khas pula, adalah menjadi undang-undang mantap bahawa ia perlulah jelas iaitu ia perlu diplid secara terperinci (*specially pleaded*) dan hendaklah dibuktikan. Ini mewajarkan plaintif untuk mengemukakan tuntutan-tuntutan secara tepat dan disokong oleh resit-resit. Ini gagal dibuktikan oleh plaintif kerana plaintif belum lagi mengalami apa-apa kerugian. Justeru mahkamah tidak boleh membenarkan tuntutan ini kerana ianya tidak dapat mendedahkan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan.

[39] Plaintif juga menuntut ganti rugi teruk. Oleh kerana plaintif tidak mengemukakan apa-apa bukti bahawa mereka mengalami kerugian atas kehilangan atau kecederaan secara fizikal dan mental maka sekali gus ini tidak membolehkan plaintif menuntut ganti rugi teruk terhadap defendan.

[40] Di atas sebab-sebab di atas, mahkamah mendapati bahawa permohonan defendan di kandungan 15 wajar dibenarkan dengan membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif dengan kos. Walaupun mahkamah simpati dengan pihak plaintif namun pembatalan ini adalah disebabkan bahawa tuntutan plaintif tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan, mengaibkan, remeh dan menyusahkan dan ianya merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah. Di atas sebab ini juga mahkamah tidak

A dapat menggunakan budibicara untuk meminda pliding plaintif.

[41] Dengan membenarkan kandungan 15 ini, permohonan plaintif di kandungan 24 untuk meminda pernyataan tuntutan mereka secara otomatisnya terbatal.

B

Kandungan 15 dibenarkan dengan kos RM2,000; kandungan 24 ditolak.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar

C

D

E

F

G

H

I